

75 kes baru H1N1 dikesan, tiada kematian
Malaysiakini.com
April 21, 2010

Sejumlah 75 kes baru Influenza A (H1N1) dikesan sehingga pukul 5.30 petang semalam menjadikan jumlah terkumpul kes itu setakat ini ialah sebanyak 13,274.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd. Ismail Merican bagaimanapun berkata, tiada kematian baru dilaporkan semalam.

Beliau berkata, bilangan yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) pula adalah 11 orang dengan lapan daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko.

"Jumlah kes penyakit serupa influenza (ILI) yang masih dirawat di wad di seluruh negara adalah sebanyak 624 kes.

"Daripada jumlah tersebut, 85 kes telah disahkan positif H1N1," katanya dalam satu kenyataan di Putrajaya hari ini.

Dr. Mohd. Ismail berkata, sehingga pukul 8 pagi ini, pihaknya menerima enam laporan kejadian kluster ILI dari dua negeri iaitu Selangor dan Melaka.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/129812>